




Sagandal

Talina

Racy

Tiga beranak rentung nahas kereta terbakar



Keadaan kereta terbakar yang mengorbankan tiga beranak dalam kemalangan di Kampung Hubot, kilometer 39 Jalan Kudat - Kota Kinabalu, malam kelmarin.

Berita HAZLAN 13/08/2018 M/S 6

➔ Kenderaan bertembung treler ketika pulang dari majlis kahwin

Oleh Junaidi Ladjana
junaidi_ladjana@nstp.com.my

► Kudat

Tiga beranak rentung apabila kereta dinaiki mereka terbakar selepas terbabit kemalangan di Kampung Hubot, kilo-

meter 39 Jalan Kudat - Kota Kinabalu, di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 8.20 malam itu, mangsa yang maut ialah Sagandal Soborong, 59, dan isterinya, Talina Gunsdat, 59, serta anak perempuan mereka, Racy, 19, selepas kereta dinaiki terbakar sebaik bertembung dengan treler.

Anak mangsa, Charry, 27, berkata beliau mengetahui kemalangan meragut nyawa ibu bapa dan adiknya itu selepas panggilan telefon dibuat kepada ibunya tidak berjawab langsung.

Beliau berkata, panggilan pertama ke telefon bimbit ibunya tidak berjawab, manakala panggilan kedua pula dimatikan begitu saja.

"Malam tadi (kelmarin) saya hu-

bungi ibu, namun tidak dijawab dan selepas itu telefon bimbit tidak dapat dihubungi.

Majlis kahwin sepupu

"Tidak lama kemudian, saya dimaklumkan ibu, bapa dan adik perempuan terbabit nahas ketika perjalanan pulang majlis kahwin sepupu di Matunggong.

"Hari ini (semalam) sepatutnya emak datang ke rumah saya di Kota Kinabalu kerana rindu dengan cucunya, tetapi kini mereka semua sudah tiada," katanya ketika ditemui di rumah ibu bapanya di Kampung Tambuluran di sini, semalam.

Charry yang juga anak kelapan daripada 11 beradik berkata, kali

terakhir dia menemui ibu dan ayahnya pada minggu lalu ketika mereka datang ke rumahnya di Kota Kinabalu.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kontinjen Sabah, Superintendan Mohd Zamzuri Mohd Isa pula berkata, siasatan awal mendapati Proton Saga dinaiki tiga beranak itu dipercayai memasuki laluan treler sebelum bertembung.

Pemandu treler cedera

"Akibat kejadian itu, tiga mangsa yang menaiki Proton Saga rentung apabila kereta berkenaan terbakar selepas bertembung dengan treler.

"Mayat ketiga-tiga mangsa dihantar ke Hospital Kudat untuk

bedah siasat, manakala pemandu treler hanya cedera ringan," katanya.

Sementara itu, Simbo Talo, 75, berkata dentuman kuat dan rumahnya bergegar akibat treler terbabas dan terjatuh di halaman rumahnya hingga menyebabkan bekalan elektrik terputus, pada awalnya disangkal gempu sultan di Lombok, Indonesia.

"Saya terus keluar dan terkejut melihat sebuah treler membawa muatan sawit terbabas betul-betul di depan halaman rumah, manakala kereta Perodua Alza dan motosikal anak saya rosak.

"Selepas itu, pemandu treler keluar dan menyatakan dia hanya sakit badan," katanya.